


# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

## Kemelesetan global risiko utama ekonomi 2023



### Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka sederhana kepada 4 peratus tahun depan

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Pertumbuhan global yang perlahan dengan jangkakan kemelesetan sederhana beberapa ekonomi utama masih menjadi risiko utama bagi tinjauan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun hadapan, demikian kata Ketua Bersama Strategi Makro Asia Manulife Investment Management, Sue Trinh.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang sekitar 4 peratus pada 2023 dengan kadar itu masih dianggap kukuh di tengah persekitaran yang mencabar.

Katanya, walaupun pertumbuhan global menjadi risiko utama, permintaan domestik terutama penggunaan pelaburan swasta akan menyokong pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 2023.

"Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh pada 2022 berikutan kesan asas rendah (tahun sebelumnya).

"Pertumbuhan berterusan pada 2023 meskipun menyederhana kepada 4 peratus," katanya pada taklimat media mengenai tinjauan pelaburan 2023 secara maya, semalam.

Trinh berkata, ekonomi Malaysia pada 2023 juga

dijangka mendapat manfaat daripada pembukaan semula ekonomi China, terutama perdagangan dan pelancongan.

Beliau berkata, langkah Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalaman

(OPR) secara beransur-ansur adalah tepat dalam menyokong pertumbuhan.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan kenaikan kadar faedah mencecah kitaran paras tinggi pada suku pertama

tahun depan.

#### Persekitaran kondusif

Mengenai pembentukan kerajaan baharu selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), Trinh berkata, dengan adanya usul undi percaya kepada Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan meredakan ketidaktentuan politik.

Beliau berkata, keadaan sedemikian akan memberikan persekitaran yang kondusif kepada pentadbiran negara untuk mengembangkan ekonomi dengan tumpuan menjamin kesejahteraan rakyat dan menangani isu kos sara hidup, terutama golongan berpendapatan rendah.

Mengenai ringgit, Trinh berkata, kestabilan renminbi dan pembukaan semula ekonomi China akan menyokong prestasi ringgit tahun depan.

Walaupun pertumbuhan global menjadi risiko utama, permintaan domestik terutama penggunaan pelaburan swasta akan menyokong pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 2023



Sue Trinh,  
Ketua Bersama Strategi Makro Asia  
Manulife Investment Management